UUM/AA49/UM/08.07.2005/p.26(4)

71 pegawai Suksis UUM ditauliah hari ini

um 9/7/05 26:4

ALOR STAR 8 Julai – Seramai 71 orang pegawai Kor Sukarelawan Siswa Polis (Suksis) Universiti Utara Malaysia (UUM) akan ditauliahkan dalam satu majlis tamat latihan esok setelah tiga tahun memberikan komitmen padu dalam menjalani latihan kepolisan.

Majlis yang dijadualkan berlangsung di Padang Kawad pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) UUM itu akan disempurnakan oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohd. Bakri Omar serta dihadiri oleh semua pegawai tertinggi Polis Diraja Malaysia (PDRM) dari Kedah dan Bukit Aman.

Menurut Komandan Suksis UUM, Asisten Komisioner, Prof. Madya Dr. Mohamed Mustafa Ishak, para pegawai tersebut merupakan perintis kepada kegiatan ko-kurikulum yang mula ditawarkan oleh universiti berkenaan pada bulan Jun 2002.

Katanya, Suksis yang pada dasarnya diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang pada ketika itu menjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri pada 4 Februari 1999 apabila beliau menyarankan agar pihak PDRM dapat mewujudkan Suksis dengan kerjasama daripada UUM.

"Tujuan penubuhannya adalah untuk melahirkan atau menyediakan pelatih yang lebih berpengalaman dalam bidang undang-undang dan penguatkuasaan di samping bersikap lebih terbuka dengan disiplin kepolisan serta mematuhi perintah juga arahan," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini, hari ini.

Peranan

Dr. Mohamed Mustafa berkata, Suksis juga diwujudkan dalam usaha menjadikan semua anggotanya agar mampu memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing dengan cekap serta berkesan ke arah mewujudkan kesedaran sivik dan hubungan baik dengan semua golongan masyarakat.

Beliau berkata, setakat ini hanya UUM sahaja yang mempunyai kegiatan sukarelawan tersebut dan ia akan diperhebatkan dari semasa ke semasa.

Tambahnya, apa yang diharapkan, Suksis mampu mewujudkan generasi belia pewaris yang berupaya mendokong serta menerajui usaha mencapai kecemerlangan peradaban bangsa dan negara pada masa hadapan.